

## Keberkesanan Pelaksanaan Sistem E-Zakat Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Saiful Nizam Sa'ari<sup>1,\*</sup>, Mohd Hafeez Mohd Soid<sup>1,2</sup>, dan Fauzih Ayob<sup>1,3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,  
06000 Jitra Kedah, Malaysia.

<sup>2</sup>Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,  
06000 Jitra Kedah, Malaysia.

<sup>3</sup>Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,  
06000 Jitra Kedah, Malaysia.

### ABSTRAK

*Kertas kajian ini mengukur keberkesanan pelaksanaan sistem E-Zakat dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Zakat merupakan rukun yang ketiga daripada rukun Islam yang lima, ia membawa kepada kesempurnaan iman seseorang kerana memenuhi rukun Islam dan meringankan kesusahan saudaranya yang lain. E-Zakat telah dibangunkan sejak tahun 2018 untuk membantu pengagihan wang zakat kepada pelajar. Pengagihan wang zakat mestilah diuruskan dengan baik dan cekap bagi memastikan keberkesanan agihan zakat dalam meningkatkan kualiti hidup pelajar. Sehubungan itu, sistem E-Zakat memudahkan pengurusan zakat POLIMAS menyimpan dan menyusun data mengikut keperluan yang ditetapkan. Pembangunan Aplikasi Rapid (RAD) telah digunakan untuk membangunkan sistem E-Zakat. Pembangunan E-Zakat memudahkan pelajar memohon dan membantu pihak pengurusan Zakat POLIMAS menjejaki maklumat pelajar secara berkala. Selain itu, ia berfungsi sebagai pusat data pelajar yang boleh diaudit dan dipantau oleh pihak pengurusan POLIMAS. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik terhadap 100 orang pelajar. Hasil kajian menjelaskan secara terperinci di mana skor min keseluruhan melebihi 4.3 iaitu pada tahap tinggi membuktikan pelajar sangat bersetuju E-Zakat memudahkan dan memberi kepuasan kepada pelajar. Impak pelaksanaan E-Zakat ini sangat membantu dalam memastikan pengagihan zakat diberi keutamaan kepada golongan pelajar miskin supaya tidak terbeban dengan masalah kewangan sekaligus dapat meningkatkan motivasi mereka kearah kecemerlangan akademik dan kokurikulum.*

### PENGENALAN

Secara umumnya pengagihan zakat di Malaysia adalah di bawah bidang negeri seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, setiap negeri mempunyai pihak berkuasa pentadbiran dan pengurusan zakat sendiri untuk memastikan zakat diuruskan dengan lebih efektif. Pada pertengahan 2018, POLIMAS menerima wang zakat sejumlah RM75, 491.78 dari Lembaga Zakat Negeri Kedah untuk diagihkan kepada pelajar. Oleh yang demikian, bagi memastikan proses pengagihan wang zakat ini teratur sistem E-Zakat telah diperkenalkan kepada pelajar dan pihak pengurusan POLIMAS. Pemberian zakat kepada pelajar miskin merupakan satu bantuan kewangan yang dilihat signifikan dalam membantu mereka dan memotivasikan pelajar untuk lebih berdaya saing. Namun begitu, untuk memudahkan pihak pengurusan zakat POLIMAS menyalurkan batuan zakat pelajar perlulah membuat permohonan melalui sistem E-Zakat. Sistem ini bukan sahaja memudahkan urusan permohonan malah ia juga membantu pihak pengurusan dari segi penyimpanan data dan maklumat pelajar secara

---

\* Corresponding Author: [saiful.nizam@polimas.edu.my](mailto:saiful.nizam@polimas.edu.my)

berterusan. Kecekapan menguruskan pengagihan zakat amatlah penting untuk memastikan pelajar miskin dapat dibantu dan mendapat perhatian yang sewajarnya.

Pengurusan sistem zakat perlulah dipertingkatkan atau diperkukuhkan untuk menangani masalah kecekapan, terutamanya dalam aspek pengagihan [1]. Lembaga Zakat Negeri Kedah giat mencari kaedah yang terbaik untuk menyalurkan bantuan zakat kepada semua golongan termasuk kepada pelajar di institusi pengajian tinggi. Ianya selaras dengan usaha-usaha kerajaan untuk memberi perhatian yang sewajarnya kepada pelajar miskin atau golongan B40 melalui program seperti Bantuan Skim Pembiayaan Pendidikan Tinggi (SPIN), Bantuan Skim Dana Ehsan (SDEP), bantuan zakat dan lain-lain. Ketidakecekapan sistem pengurusan akan menyebabkan proses pengagihan bantuan tidak berlaku dengan baik. Oleh itu, semua jenis bantuan yang diusahakan ini memerlukan satu sistem atau aplikasi untuk memastikan permohonan dan pengagihan bantuan berjalan dengan baik kepada golongan sasaran. E-Zakat merupakan hasil inovasi yang mudah digunakan oleh pelajar dan pihak pengurusan zakat POLIMAS bagi memantau maklumat pelajar dari semasa ke semasa.

Sistem E-Zakat menggunakan bahasa pengaturcaraan *Hypertext Preprocessor* (PHP) sebagai komunikasi piawai untuk menjelaskan arahan kepada komputer. PHP merupakan satu set peraturan sintaktik dan semantik yang digunakan untuk menghasilkan sebuah atur cara komputer bagi memenuhi keperluan sesebuah organisasi. Tambahan pula, PHP merupakan bahasa pengaturcaraan yang bersifat perisian sumber terbuka dan pengguna bebas untuk merangka atur cara mengikut keperluan yang ditetapkan oleh organisasi zakat POLIMAS. Selain itu, data dan maklumat pelajar akan disimpan di pangkalan data MySQL dengan selamat.

Pada masa kini, penggunaan dan penguasaan pelajar dalam teknologi semakin meningkat dari semasa ke semasa selaras dengan kemajuan negara. POLIMAS merupakan sebuah institusi yang membangun mencapai kemajuan kerana terdapat modal insan yang mana bukan sahaja melahirkan pelajar cemerlang dalam akademik bahkan mereka mampu menguasai kemahiran teknologi. Keperluan seperti ini penting untuk memenuhi keperluan kemajuan era masa kini iaitu era digital yang mana para pelajar cenderung untuk berfikir secara kreatif dan inovatif. E-zakat dibangunkan untuk mendedahkan pelajar kepada satu sistem yang mudah diakses oleh pelajar dan lebih efisien.

## ANALISA DATA DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan deskripsi skor min dan tahap skor min. Nilai min keseluruhan yang diperolehi bagi setiap faktor ditafsirkan mengikut skala yang ditetapkan sebagai ukuran. Skor min terbahagi kepada 3 bahagian pemarkahan dan jadual 2 menunjukkan deskripsi skor min [2]. Data yang terkumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Sosial Science* (SPSS). Kajian rintis telah dijalankan terhadap 10 responden dan keputusan kajian menunjukkan nilai Cronbach Alpha 0.986. Hal ini membuktikan kebolehpercayaan adalah tinggi serta boleh digunapakai bagi kajian sebenar [3].

**Jadual 2** Tahap Penilaian Berdasarkan Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

## Bahagian A

Bahagian ini mengandungi 3 soalan yang berkaitan dengan keberkesanan pelaksanaan sistem E-Zakat dalam kalangan pelajar. Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan analisa menggunakan tahap penilaian merujuk kepada skor min.

**Jadual 3** Aspek Keberkesanan Pelaksanaan Sistem E-Zakat

Bil	Perkara	Min	Interprestasi Min
1	Saya berasa yakin dengan sistem agihan zakat di POLIMAS	4.36	Tinggi
2	Sistem E-Zakat memudahkan saya membuat permohonan zakat	4.36	Tinggi
3	Sistem E-Zakat membantu saya untuk memenuhi keperluan dokumen permohonan zakat	4.33	Tinggi
Skor min keseluruhan		4.35	Tinggi

Jadual 3 di atas menunjukkan analisis bagi aspek keberkesanan sistem E-Zakat terdapat pelajar. Skor min bagi setiap item berada dalam tahap tinggi iaitu 4.33 hingga 4.36. Item yang mendapat skor min tertinggi adalah item soalan 1 dan 2 iaitu pada nilai 4.36 menunjukkan bahawa pelajar sangat berkeyakinan dengan pengagihan zakat di POLIMAS dan E-Zakat memudahkan proses permohonan zakat. Skor min keseluruhan bagi aspek keberkesanan pelaksanaan sistem E-Zakat ialah di tahap tinggi iaitu 4.35, membuktikan keberkesanan sistem E-Zakat sangat membantu pelajar dalam proses permohonan zakat di POLIMAS.

## Bahagian B

Bahagian ini mengandungi 4 soalan yang berkaitan dengan kepuasan pelanggan menggunakan sistem E-Zakat dalam kalangan pelajar. Berdasarkan Jadual 4 menunjukkan analisa menggunakan tahap penilaian merujuk kepada skor min.

**Jadual 4** Aspek Kepuasan Pelanggan Menggunakan Sistem E-Zakat

Bil	Perkara	Min	Interprestasi Min
1	Saya berpuas hati dengan sistem agihan zakat di POLIMAS	4.36	Tinggi
2	Saya sangat berpuas hati menggunakan sistem E-Zakat sebagai platform permohonan zakat di POLIMAS	4.36	Tinggi
3	Saya berasa mudah untuk memuat naik semua dokumen yang diperlukan dalam sistem E-Zakat	4.36	Tinggi
4	Saya ingin berkongsi pengalaman menggunakan E-Zakat bersama pelajar-pelajar lain	4.29	Tinggi
Skor min keseluruhan		4.34	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan analisa yang diperoleh bagi menentukan kepuasan pelanggan menggunakan sistem E-Zakat sebagai platform permohonan zakat di POLIMAS. Keseluruhan item memperoleh skor min yang berada pada tahap tinggi dengan nilai skor purata min iaitu 4.34. Hasil dapatan menunjukkan pelajar sangat berpuas hati menggunakan sistem E-Zakat dengan merujuk item soalan 1, 2 dan 3 masing-masing mencapai skor min tertinggi iaitu 4.36. E-Zakat memberi kemudahan dan akses secara dalam talian kepada pelajar membuat permohonan zakat. Selain itu, fungsi-fungsi yang terdapat dalam E-Zakat juga menarik dan memudahkan pelajar

untuk akses secara lebih mendalam. Maklumat dan syarat berkaitan bantuan zakat dapat difahami dengan lebih jelas dan terperinci. Pendedahan kepada kemajuan teknologi maklumat juga memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi pengalaman menggunakan E-Zakat kepada pelajar-pelajar lain.

### Bahagian C

Bahagian ini mengandungi 3 soalan yang berkaitan dengan impak bantuan zakat terhadap pencapaian akademik pelajar menggunakan sistem E-Zakat dalam kalangan pelajar. Berdasarkan Jadual 5 menunjukkan analisa menggunakan tahap penilaian merujuk kepada skor min.

**Jadual 5** Aspek Impak Bantuan Zakat Terhadap Pencapaian Akademik

Bil	Perkara	Min	Interprestasi Min
1	Bantuan zakat POLIMAS membantu persediaan sesi pembelajaran saya	4.32	Tinggi
2	Bantuan zakat POLIMAS membantu meningkatkan prestasi akademik saya	4.40	Tinggi
3	Bantuan zakat POLIMAS meningkatkan motivasi diri saya untuk lebih cemerlang dalam pencapaian akademik	4.36	Tinggi
Skor min keseluruhan		4.36	Tinggi

Jadual 5 menunjukkan analisa yang diperoleh bagi menentukan impak bantuan zakat terhadap pencapaian akademik pelajar. Keseluruhan item mencapai skor min pada tahap yang tinggi iaitu 4.36. Bantuan zakat kepada golongan pelajar miskin merupakan bentuk bantuan terpenting kerana ia dapat meningkatkan motivasi pelajar supaya lebih cemerlang dalam pembelajaran. Hasil dapatan membuktikan bantuan zakat POLIMAS dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar dengan skor min tertinggi iaitu 4.40. Bantuan zakat ini juga membantu pelajar membuat persediaan sesi pembelajaran seperti menyelesaikan bayaran yuran pengajian, membeli alat tulis dan buku rujukan. Pemberian bantuan zakat merupakan satu usaha pihak pengurusan POLIMAS untuk meringankan beban pelajar yang kurang bernasib baik, sekali gus memberi semangat untuk mereka meneruskan pengajian dengan lebih baik.

### KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelaksanaan sistem E-Zakat ini telah membantu menyelesaikan permasalahan permohonan zakat di POLIMAS. Pelajar tidak perlu lagi hadir ke Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar untuk mengambil borang permohonan. Pelajar hanya perlu membuat permohonan melalui sistem E-Zakat. Pihak pengurusan zakat POLIMAS juga dapat mengumpul dan menyimpan data pelajar dengan lebih teratur dari semasa ke semasa setelah menggunakan E-Zakat. Pengagihan zakat yang teratur dan efisien memainkan peranan penting bagi membantu pelajar miskin meneruskan sesi pengajian di POLIMAS. Selain itu, bantuan zakat ini juga dapat memotivasikan diri pelajar agar lebih cemerlang dalam pencapaian akademik dan kokurikulum.

## RUJUKAN

- Abdullah Khairi & Hairunnizam Wahid. (2017). *Pembayaran Zakat Pendapatan Melebihi Kadar Kewajipan Zakat: Kajian Kakitangan Kerajaan di Wilayah Persekutuan, Putrajaya*. Prosiding Persidangan Ekonomi Malaysia ke 12.
- Azizi Yahya, Sahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahman Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konting. (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Hj Yahaya, Yusof Boon dan Amir Hamzah Abdul. (2005). *Kecergasan Emosi dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik dan Tingkahlaku Pelajar*. Falkulti Pendidikan University Teknologi Malaysia & Universiti Utara Malaysia.
- Evans, J. D. (1996). *Straightforward Statistics for the Behavioral Sciences*. Pasific Grove, CA: Brooks/Cole Publishing.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025*.
- Mohd Ali & Hairunnizam Wahid. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 26(2): 59 – 47.
- Norlela bt Zaman & Hairunnizam Wahid. (2014). *Pewartaan Zakat Pendapatan dan Trend Kutipan Zakat Pendapatan (Kajian di Malaysia)*. Prosiding PERKEM ke -9 (2014) 199-207 ISSN:2231-962.
- Nur Azura & Norazlina Abd Wahab. (2005). *Gelagat Kepatuhan Pembayaran Zakat Pendapatan: Kajian Kes UUM*, Pengukuhan dan transformasi ekonomi & kewangan Islam prosiding Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam.
- Sharifah Nor Nadiyah Syed Aluwi. (2017). *Pembayaran Zakat Pendapatan dan Tekanan Kos Sara Hidup Kajian Pensyarah di Kolej Poly-Tech Mara(KPTM)*. Prosiding PERKEM ke -12 (2017), 55-63.
- Siti Zulaikha & Hairunnizam Wahid. (2018). *Pembayaran Zakat Melebihi Kadar Kewajipan Zakat: Kajian Kakitangan Kerajaan Di Jabatan Agama Islam Melaka, Melaka*. Prosiding Persidangan Ekonomi Malaysia ke 13.